

*Sila lampirkan Jadual Sijil*

## **SIJIL ETIQA TAKAFUL HOME SECURE**

**Dokumen Penting - Sila simpan di tempat yang selamat**

Ini Sijil anda. Sila baca dengan teliti dan simpan bersama-sama dengan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Takaful ini di tempat yang selamat supaya mudah dirujuk apabila perlu.

<b>Kandungan</b>	<b>Mukasurat</b>
Pendahuluan	2
Perjanjian Kami	3
Apakah Yang Membentuk Sijil Ini	3
Kewajipan Anda Untuk Memberitahu Kami	3
Fasal Melindungi	4
Waranti Yang Digunapakai	4
Kejadian Yang Dilindungi	5
Manfaat Tambahan	6
Pengecualian Am	7
Bagaimana Kami Menyelesaikan Tuntutan Anda	8
Bagaimana Untuk Membuat Tuntutan	9
Tanggungjawab Anda	9
Bagaimana Sijil Anda Boleh Dibatalkan	9
Glosari	10
Warranti/Fasal/Pengendorsan Adalah Terpakai Sekiranya Dinyatakan Dalam Jadual	11
<b>Lampiran - Manfaat Pilihan:</b>	
<b><u>Digunapakai untuk Bangunan sahaja:</u></b>	
Manfaat Pilihan No.1 - Perluasan untuk melindungi Isi kandungan rumah dan Perabot Tuan Tanah di dalam blok rumah pangsa/pangsapuri	12
Manfaat Pilihan No.2 - Takaful Kepingan Kaca	12
Manfaat Pilihan No.3 - Perluasan untuk melindungi kerugian atau kerosakan oleh hurikan, siklon, taufan atau ribut angin kepada cerobong asap logam, tirai, bidai kajang, papan tanda dan lekapan dan lengkapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar,	13
Manfaat Pilihan No.4 - Perluasan untuk melindungi terhadap pengubahan pembaikan dan penambahan (tetapi bukan kenaikan nilai melebihi jumlah yang Dilindungi)	13
Manfaat Pilihan No.5 - Lanjutan Takaful Sewa Tuan Tanah	13
<b><u>Digunapakai untuk Isi kandungan rumah:</u></b>	
Manfaat Pilihan No.6A - Perluasan untuk melindungi perlindungan terhadap kecurian tetapi tidak termasuk kecurian oleh pembantu rumah domestik atau mana-mana Ahli Keluarga atau <b>Penghuni Rumah</b> Anda	13
Manfaat Pilihan No.6B - Perluasan untuk melindungi kecurian termasuk oleh pembantu rumah domestik	13
Manfaat Pilihan No. 7 – Manfaat kematian akibat kemalangan untuk keluarga	14
<b><u>Digunapakai untuk Bangunan dan / atau Isi kandungan rumah:</u></b>	
Manfaat Pilihan No.8 - Kenaikan had gantirugi tambahan di bawah Manfaat Tambahan E – Takaful Sewa	14
Manfaat Pilihan No.9 - Kenaikan had gantirugi di bawah Manfaat Tambahan F – Liabiliti kepada Awam	14
Manfaat Pilihan No.10 - Perluasan perlindungan terhadap Rusuhan, Mogok dan Niat Jahat.....	14
Manfaat Pilihan No.11 - Perluasan untuk melindungi Penanggalan dan Gelinciran Tanah.....	15
Kenyataan Maklumat Sijil	16
Prosedur Aduan	16

# SIJIL ETIQA TAKAFUL HOME SECURE

## PENDAHULUAN

Takaful adalah suatu skim saling bantu membantu berlandaskan semangat persaudaraan dan perpaduan di mana Peserta seperti **Anda** sepakat untuk membantu satu sama lain secara kewangan sekiranya berlaku keperluan tertentu seperti yang telah ditetapkan. Dengan niat sedemikian, Peserta membayar **Sumbangan** berasaskan Tabarru' (sumbangan) kepada Dana Takaful Am (Dana) yang dikendalikan oleh Etiqa General Takaful Berhad (Pengendali Takaful). Pembayaran jumlah dilindungi kepada pada Peserta adalah dibayar daripada Dana tersebut berdasarkan konsep Tabarru'.

Sebagai Pengendali Takaful, **Kami** bertanggungjawab untuk memilih Peserta, menentu dan memungut **Sumbangan**. **Kami** juga bertanggungjawab untuk melaburkan Dana dan membayar Manfaat kepada Peserta yang berhak. Semua perolehan dari pelaburan akan dikreditkan ke dalam Dana tersebut. Dana ini adalah dimiliki secara kolektif oleh para Peserta di mana bahagian Tabarru' bagi sumbangan ini dimasukkan bagi tujuan Takaful. Perhubungan antara **Anda** dan **Kami** adalah berlandaskan kontrak **Wakalah** (perwakilan).

Lebih dari Dana akan ditentukan setiap tahun dan hanya akan dibayar untuk **Sijil** tahunan. Pengagihan, sekiranya ada, diperuntukkan bagi peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah **Kami**. Lebihan yang boleh diagih, sekiranya ada, lima puluh peratus (50%) daripadanya dibayar kepada **Kami** kerana mengendali dan menguruskan Dana, berasaskan kontrak **Ju'alah** (upah), dan baki lima puluh peratus (50%) akan dikongsi antara para Peserta yang mana **Sijil** mereka belum ditamatkan dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Sekiranya berlaku apa-apa defisit daripada Dana tersebut, tidak akan ada pengagihan lebihan bagi tahun kewangan tersebut. Dalam keadaan sedemikian, defisit akan dibiayai oleh jumlah yang diperuntukkan bagi tujuan luar jangka. Sekiranya Dana ini masih defisit, **Qard** (pinjaman tanpa faedah) akan diatur. **Qard** akan dibawa ke tahun kewangan yang berikutnya dan sebarang lebihan yang diperolehi selepas itu akan digunakan untuk membayar semula **Qard**. Jika lebihan adalah kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), Kami akan mengkreditkan jumlah wang itu ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai Amal Jariah bagi pihak Peserta.

Permohonan **Anda** untuk menyertai skim takaful ini sebagai Peserta telah **Kami** terima berdasarkan permohonan yang **Anda** telah tandatangi berserta segala maklumat yang diberikan kepada **Kami**. Sekiranya **Anda** tidak mengisi Borang Permohonan, penerimaan **Kami** adalah berdasarkan kenyataan fakta dan apa-apa maklumat lain yang **Anda** berikan kepada **Kami**. Sebagai Peserta, **Anda** akan menerima perlindungan takaful untuk kemalangan atau sekiranya berlaku kematian dan insiden seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** yang mungkin berlaku dalam **Tempoh Takaful** tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat kontrak Takaful ini.

Kontrak takaful **Anda** terdiri daripada Borang Permohonan, Sijil ini dan **Jadual**. **Anda** harus menelitinya untuk menentukan ianya menepati perlindungan yang **Anda** perlukan.

Skim takaful ini adalah tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Satu keperluan akta ini ialah penubuhan Jawatankuasa Syariah untuk memberi nasihat kepada **Kami** supaya tidak terlibat dalam aktiviti yang ditegah oleh Syariah.

## PERJANJIAN KAMI

### Terpakai bagi Kontrak Takaful Pengguna

**Sijil** ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari **Sumbangan** yang ditentukan dalam **Jadual Sijil** dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Pemohonan **Anda** (atau semasa **Anda** memohon takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh **Anda** pada atau semasa penyerahan Borang Pemohonan **Anda** (atau semasa **Anda** memohon takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang **Anda** berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful antara **Anda** dan pihak **Kami**. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan **Anda** atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh **Anda**, hanya remedi yang terdapat dalam **Jadual** 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

**Sijil** ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak takaful seperti yang telah dipersetujui Antara **Anda** dan pihak **Kami**.

### Terpakai bagi Kontrak Takaful Komersial

**Sijil** ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari **Sumbangan** yang ditentukan dalam **Jadual Sijil** dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Permohonan orang yang dilindungi (atau semasa orang yang dilindungi memohon takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh orang yang dilindungi pada atau semasa penyerahan Borang Pemohonan orang yang dilindungi (atau semasa orang yang dilindungi memohon takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang orang yang dilindungi berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful antara orang yang dilindungi dan Etiqa General Takaful Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "pengendali takaful"). Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan orang yang dilindungi atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh orang yang dilindungi, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful orang yang dilindungi, keengganan atau pengurangan tuntutan peserta, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful orang yang dilindungi.

**Sijil** ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak takaful seperti yang telah dipersetujui antara orang yang dilindungi dan pihak pengendali takaful.

## APAKAH YANG MEMBENTUK SIJIL INI

Takaful ini tidak melindungi diri **Anda** terhadap sebarang kemungkinan yang akan berlaku.

Sila baca **Sijil** ini dengan teliti bagi memastikan **Anda** faham tentang apa yang dilindungi serta terma dan syarat yang digunapakai dan pastikan **Anda** berpuashati dengan perlindungan yang diberi.

**Tajuk-tajuk yang tertera bukan sebahagian daripada kandungan Sijil.**

**Sijil, Jadual dan Pengendorsan-pengendorsan** mesti dibaca bersama kerana ianya membentuk kontrak takaful **Anda**.

**Sijil** ini menetapkan apa yang dilindungi terhadap **Anda** seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual** dan keadaan di mana **Anda** tidak dilindungi.

Sesetengah perkataan dan pernyataan dicetak dalam **huruf tebal** kerana ianya mempunyai makna yang khusus di dalam **Sijil** ini. **Anda** boleh menyemak maknanya di bahagian Glosari.

Perlindungan takaful yang diperuntukan di bawah **Sijil** ini adalah bergantung sepenuhnya kepada **Anda** mengamati dan memenuhi **sepenuhnya** terma-terma, peruntukan-peruntukan, **pengendorsan-pengendorsan** serta fasal-fasal **Sijil** ini.

## KEWAJIPAN ANDA UNTUK MEMBERITAHU KAMI

### Kewajipan Pendedahan

#### Terpakai bagi Kontrak Takaful Pengguna

Apabila **Anda** telah memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profession **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Pemohonan (atau semasa **Anda** memohon takaful ini) iaitu **Anda** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful **Anda**, keengganan atau pengurangan gantirugi **Anda**, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful **Anda** selaras dengan remedi di **Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

**Anda** juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Anda** tahu akan mempengaruhi keputusan pihak **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

**Anda** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Pemohonan (atau semasa **Anda** memohon takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

#### Terpakai bagi Kontrak Takaful Komersial

Apabila **Anda** telah memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profession **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** tahu yang akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka sebagai relevan, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful **Anda**, keengganan atau pengurangan tuntutan **Anda**, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful **Anda**.

**Anda** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Pemohonan (atau semasa **Anda** memohon takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

### Notis Takaful yang Lain

**Anda** dikehendaki memberitahu **Kami** tentang takaful lain yang telah **Anda** sertai ketika **Anda** menyertai takaful ini dan juga semasa **tempoh** perlindungan **takaful** ini, yang melindungi mana-mana bahagian harta yang sama yang dilindungi di bawah **Sijil** ini.

Notis tersebut hendaklah diberi dan diendorskan oleh **Kami** di dalam **Sijil** ini sebelum **Kejadian** apa-apa kerugian atau kerosakan.

## FASAL MELINDUNGI (DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI KANDUNGAN RUMAH)

**Kami** akan melindungi Bangunan-bangunan dan/atau Isi Kandungan Rumah seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual Anda** semasa **tempoh takaful**.

Perlindungan ini akan diberikan atas dasar bahawa **Anda** bersetuju untuk membayar **Kami Sumbangan** bagi perlindungan takaful.

Sehubungan dengan apa-apa **Kejadian Yang Dilindungi** yang berlaku dalam **Tempoh Takaful** ini dan tertakluk kepada had-had, pengecualian dan syarat yang terkandung dan disahkan di dalam **Sijil**, **Kami** akan, melalui bayaran atau melalui pemulihan semula atau pembaikan, mengganti rugi **Anda** terhadap kerugian atau kerosakan kepada harta yang Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**.

**Sijil** ini melindungi **Anda** sehingga **Jumlah Yang Dilindungi** sebagaimana tercatat di dalam **Jadual** untuk kerugian atau kerosakan terhadap bangunan **Anda** dan/atau Isi Kandungan Rumah **Anda** yang disebabkan oleh **Kejadian Yang Dilindungi**.

**Jadual Anda** akan menunjukkan samada **Anda** telah melindungi bangunan **Anda**, isi kandungan rumah **Anda** atau kedua-duanya.

### Bangunan Anda

“**Bangunan**” bermakna bangunan rumah kediaman persendirian di mana **Premis** tersebut terletak termasuk:

- segala pejabat domestik, kandang kuda;
- garaj dan bangunan-bangunan luar yang digunakan semata-mata yang berkaitan dengannya dan di atas **Premis** yang sama;
- **Lekapan** dan **Lengkapan**;
- dinding, pintu pagar dan pagar di sekeliling **Premis**.

Kediaman Rumah Persendirian juga merujuk kepada Bangunan Rumah Pangsa dan Pangsapuri.

Apabila Blok Rumah Pangsa atau Pangsapuri Dilindungi, Kediaman Rumah Persendirian akan merujuk kepada Kediaman Rumah Pangsa atau Pangsapuri.

## Isi kandungan rumah Anda

"Isi kandungan rumah" bermakna segala jenis barangan rumah dan setiap **Barangan Peribadi** yang diuraikan, yang dimiliki oleh **Anda** atau mana-mana **Ahli Keluarga Anda** yang biasanya menghuni bersama **Anda** yang terkandung di Rumah Kediaman Persendirian, Rumah Pangsa atau Pangsapuri dan semua pejabat domestik, kandang kuda, garaj dan bangunan-bangunan luar domestik yang digunakan semata-mata berkaitan dengannya di atas **Premis** yang sama yang ditentukan di dalam **Jadual**.

Apa yang Dilindungi	Apa Yang Tidak Dilindungi
<p>Isi kandungan rumah yang dilindungi adalah terhad kepada:</p> <p>a) Tidak ada satu barang pun (tidak termasuk perabut, pianos, organ, peralatan rumahtangga, radio, set televisyen, set perakam video, peralatan Hi-Fi) hendaklah dianggap mempunyai nilai lebih besar daripada lima (5) peratus daripada Keseluruhan <b>Jumlah Yang Dilindungi</b> ke atas Isi kandungan rumah kecuali barangan sedemikian secara khusus diisytiharkan sebagai butiran yang berasingan;</p> <p>b) Jumlah nilai barang platinum, emas dan perak, barang kemas dan bulu binatang hendaklah dianggap tidak melebihi satu per tiga daripada Keseluruhan <b>Jumlah Yang Dilindungi</b> ke atas Isi kandungan rumah.</p>	<p>Isi kandungan rumah yang dilindungi tidak termasuk:</p> <p>a) Mana-mana bahagian daripada struktur atau siling, kertas dinding atau yang seumpamanya;</p> <p>b) Harta yang Dilindungi di bawah <b>Sijil</b> yang lebih khusus;</p> <p>c) Suratikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, cek, sekuriti untuk wang, setem, sebarang bentuk dokumen, wang tunai, matawang kertas, nota bank, manuskrip, pingat dan duit syiling, kenderaan bermotor dan aksesori atau ternakan, kecuali secara khusus dinyatakan di dalam <b>Jadual</b>.</p>

## WARANTI YANG DIGUNAPAKAI (DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI KANDUNGAN RUMAH)

**Sijil** ini adalah tertakluk kepada waranti-waranti berikut:

### Waranti Larangan Barang Niaga

Tidak ada mana-mana bahagian **Premis** digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang niaga semasa **Tempoh Takaful** ini.

### Waranti Sumbangan

**Sumbangan** yang perlu dibayar kepada **Kami** mesti dijelaskan dan diterima oleh **Kami** dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh bermulanya **Sijil/Endorsemen/Sijil** pembaharuan.

Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka kontrak ini secara automatik adalah terbatal dan **Kami** berhak ke atas **Sumbangan** pro rata sepanjang tempoh **Kami** menyediakan perlindungan.

Apabila **sumbangan** yang perlu dibayar diterima oleh ejen **Kami** yang diberi kuasa, bayaran tersebut hendaklah dianggap sebagai telah diterima oleh **Kami** bagi maksud **Waranti** ini.

Beban membuktikan bahawa **Sumbangan** yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuklah ejen takaful yang tidak diberi kuasa untuk menerima **sumbangan** tersebut terletak pada **Kami**.

## KEJADIAN YANG DILINDUNGI (DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI KANDUNGAN RUMAH)

Apa yang Dilindungi	Apa Yang Tidak Dilindungi
<p><b>Kami</b> akan memberi perlindungan untuk kerugian atau kerosakan kepada Bangunan dan/atau Isi kandungan rumah <b>Anda</b> yang disebabkan oleh mana-mana yang berikut:</p> <p>1) Kebakaran, Kilat, Petir, Kebakaran Bawah Tanah.</p> <p>2) Letupan.</p> <p>3) Pesawat atau Peranti Udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya.</p> <p>4) Hentaman terhadap mana-mana bangunan:</p> <p>i) Untuk Kediaman Persendirian, oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang bukan kepunyaan atau dibawah kawalan:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Anda</b>; atau</li><li>• <b>Ahli Keluarga Anda</b></li></ul> <p>ii) Untuk Blok Rumah Pangsa Atau Pangsapuri, oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang bukan kepunyaan atau dibawah kawalan:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Anda</b>; atau</li><li>• Ejen atau pembantu rumah <b>Anda</b> atau</li><li>• Mana-mana orang yang mendiami rumah pangsa, pangsapuri persendirian.</li></ul>	<p><b>Kami</b> tidak akan memberi perlindungan untuk kerugian atau kerosakan kepada Bangunan dan/atau Isi kandungan rumah <b>Anda</b> yang disebabkan oleh mana-mana yang berikut:</p>
<p>5) Pecahnya atau Melimpahnya Tangki, Peralatan atau Paip Air Rumah.</p>	<p>a) Amaun <b>Lebihan</b> yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b>.</p> <p>b) Kemusnahan atau kerosakan yang berlaku ketika Rumah</p>

	Kediaman Persendirian tidak dihuni.
6) Kecurian, tetapi jika di sertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada sesebuah bangunan atau sebarang percubaan dengan menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar.	<p>a) Sekiranya Rumah Kediaman Persendirian tidak di huni lebih daripada sembilan puluh (90) hari sama ada secara terus-menerus atau tidak dalam mana-mana satu <b>Tempoh Takaful</b>, perlindungan ini akan diberhentikan sementara melainkan dipersetujui oleh <b>Kami</b> melalui <b>Pengendorsan</b>.</p> <p>b) Kerugian atau kerosakan akibat dari kecurian oleh pembantu rumah domestik <b>Anda</b> atau mana-mana <b>Ahli Keluarga Anda</b>.</p>
7) Hurikan, Siklon, Taufan, Ribut Angin	<p>a) Amaun <b>Lebihan</b> yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b>.</p> <p>b) Kerugian atau kerosakan kepada:</p> <p>i) Mana-mana bangunan semasa dalam pembinaan, pembinaan semula atau pembaikan kecuali semua pintu luar, tingkap dan bukaan lain adalah lengkap dan dilindungi;</p> <p>ii) Cerobong asap logam, bidai kajang, papan tanda <b>Lekapan atau Kelengkapan</b> luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar.</p>
8) Gempa Bumi, Letupan Gunung Berapi	Amaun <b>Lebihan</b> yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b> .
9) <b>Banjir</b>	<p>a) Amaun <b>Lebihan</b> yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b>.</p> <p>b) Kerugian atau kerosakan kepada bangunan yang disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah kecuali disebabkan oleh gempa bumi atau letupan gunung berapi.</p>
10) <b>Rompakan dan Tahan</b> di dalam <b>Premis</b> harta benda <b>Anda</b> .	

### MANFAAT TAMBAHAN

Manfaat Tambahan disediakan untuk **Anda** tanpa sebarang **Sumbangan** tambahan tetapi tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam **Sijil**.

Digunapakai sekiranya **Sijil** ini hanya melindungi **Isi Kandungan Rumah Anda**:

(A) Harta Yang Dipindahkan Sementara	
Apa Yang Dilindungi	Apa Yang Tidak Dilindungi
<p><b>Anda</b> dilindungi di bawah <b>Kejadian Yang Dilindungi</b> apabila isi kandungan rumah dipindahkan sementara daripada kediaman persendirian <b>Anda</b> tetapi masih dalam kawasan Geografi, dengan syarat harta tersebut tidak dilindungi di bawah <b>Sijil</b> takaful lain.</p> <p>Had tanggungan di bawah manfaat ini adalah 15% daripada Keseluruhan <b>Jumlah Dilindungi</b> ke atas isi kandungan rumah.</p>	<p>a) Isi kandungan rumah yang dipindahkan untuk jualan atau pameran;</p> <p>b) Isi kandungan rumah yang diletakkan di tempat simpanan perabut;</p> <p>c) Kerugian akibat <b>Kejadian Yang Dilindungi item 7</b> (Hurikan, Siklon, Taufan, Ribut Angin), <b>Kejadian Yang Dilindungi item 8</b> (Gempa Bumi, Letupan Gunung Berapi) dan <b>Kejadian Yang Dilindungi item 9</b> (Banjir) ketika isi kandungan rumah dalam transit.</p>
B) Kerosakan Pada Cermin Kaca	
<p><b>Anda</b> dilindungi untuk kepecahan kepada cermin ketika di dalam kediaman persendirian.</p> <p>Had tanggungan <b>Kami</b> adalah RM500.00 sekeping setiap kemalangan.</p>	<p>a) Cermin Bimbit</p>
C) Pampasan Untuk Kematian	
<p><b>Anda</b> dilindungi terhadap kecederaan maut (kematian) yang terjadi dalam Rumah Kediaman Persendirian akibat keganasan luaran dan nyata disebabkan oleh pencuri atau kebakaran, dengan syarat kematian berlaku dalam tempoh tiga (3) bulan kalendar selepas kecederaan sedemikian.</p> <p>Sekiranya terdapat lebih dari satu (1) nama yang Dilindungi, <b>Kami</b> akan bertanggungjawab hanya pada satu kadar bahagian setimpal pampasan. Untuk sebuah badan Korporat, <b>Anda</b> mestilah menamakan seorang atau lebih dan nama-nama ini hendaklah dikemukakan kepada <b>Kami</b>.</p> <p>Had tanggungan yang dibenarkan untuk manfaat ini adalah jumlah yang dinyatakan di dalam <b>Jadual</b> atau setengah daripada Keseluruhan <b>Jumlah Yang Dilindungi</b> ke atas isi kandungan rumah, yang mana lebih rendah.</p>	

#### D) Harta Pembantu Rumah

**Anda** dilindungi ke atas kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh **Kejadian Yang Dilindungi** terhadap pakaian dan **Barangan Peribadi** kepunyaan pembantu rumah domestik **Anda**, yang tinggal bersama **Anda** atau mana-mana **Ahli Keluarga Anda** dalam kawasan Geografi seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**, dengan syarat harta tersebut tidak dilindungi di bawah **Sijil** takaful lain.

Wang tunai, matawang kertas, nota bank dan setem.

Digunapakai sekiranya **Sijil Anda** melindungi Bangunan dan/ Isi Kandungan Rumah **Anda**.

#### E) Takaful Sewa

##### Apa Yang Dilindungi

##### Apa Yang Tidak Dilindungi

Selaku tuanpunya, **Anda** dilindungi untuk kerugian sewa sekiranya Rumah Kediaman Persendirian **Anda** seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual** tidak boleh dihuni akibat daripada **Kejadian Yang Dilindungi** bagi tempoh yang diperlukan untuk pengembalian semula.

Selaku Penghuni, **Kami** akan membayar perbelanjaan tambahan yang munasabah yang perlu ditanggung olehnya semasa di sesebuah hotel, rumah tumpangan atau rumah penginapan – akibat daripada sesuatu **Kejadian Yang Dilindungi**, bagi tempoh yang diperlukan untuk pengembalian semula.

Had liabiliti keseluruhan tidak melebihi sepuluh (10) peratus daripada Keseluruhan **Jumlah Yang Dilindungi** ke atas Bangunan dan/atau isi kandungan rumahnya.

Manfaat ini adalah tambahan kepada Keseluruhan **Jumlah Yang Dilindungi** seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**.

#### F) Liabiliti Kepada Awam

##### Apa Yang Dilindungi

##### Apa yang Tidak Dilindungi

**Kami** akan mengganti rugi **Anda** atau pasangan **Anda** terhadap liabiliti undang-undang dimana **Anda** mungkin dipertanggungjawabkan berhubung dengan kemalangan atau siri kemalangan yang terjadi dari satu **Kejadian**, dalam **Tempoh Takaful** pada harta atau kecederaan anggota badan kepada mana-mana orang yang bukan merupakan **Ahli Keluarga, Penghuni Rumah** atau yang berkhidmat dengan **Anda**:

- Liabiliti selaku tuanpunya bangunan yang disebabkan oleh kecacatan di dalam bangunan.
- Liabiliti selaku Penghuni yang disebabkan oleh kemalangan di dalam atau sekitar Rumah Kediaman Persendirian.

Had liabiliti **Kami** tidak dalam apa jua hal melebihi jumlah yang ditetapkan di dalam **Jadual**.

**Kami** akan membayar gantirugi kepada **Anda** dan Pasangan:

- Sebarang kos perundangan dan perbelanjaan yang boleh diperolehi semula daripada **Anda** atau pasangan oleh mana-mana pihak yang menuntut dengan syarat kos dan perbelanjaan tersebut ditanggung sebelum tarikh **Kami** sepatutnya telah membayar atau menawarkan untuk membayar samada amaun penuh tuntutan tersebut atau jumlah amaun yang boleh diperolehi semula yang berkaitan dengan mana-mana satu **Kejadian**.
- Kos perundangan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh **Anda** atau Pasangan dengan persetujuan **Kami**.

Jika bangunan-bangunan adalah untuk Blok Rumah Pangsa atau Pangsapuri, gantirugi **Kami** kepada **Anda** adalah terhad kepada liabiliti sah bagi tuntutan yang di buat terhadap **Anda** selaku pemilik Bangunan, seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**, tetapi bukan sebagai penghuni yang mendiami mana-mana bahagian bangunan berhubung dengan apa-apa kemalangan yang berlaku semasa **Tempoh Takaful**.

**Kami** akan membayar gantirugi kepada wakil sah peribadi **Anda** sekiranya berlaku kematian kepada **Anda** berhubung dengan liabiliti yang ditanggung oleh **Anda** atau Pasangan **Anda** dengan syarat wakil sah peribadi **Anda** mematuhi dan memenuhi dan tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat

a) Sebarang tuntutan yang dikeluarkan atau dimulakan terhadap **Anda** atau pasangan **Anda**, di mana-mana mahkamah negara-negara diluar Malaysia.

b) Semua kos perundangan dan perbelanjaan yang mana tidak ditanggung atau boleh diperolehi semula di Malaysia.

c) **Kami** tidak akan bertanggungjawab ke atas kecederaan atau kerosakan yang timbul daripada atau sampingan kepada:

- pemunyaan, pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi pihak **Anda** atau pasangan **Anda** berkait akan sebarang lif, kenderaan atau kapal walau apapun jenisnya;
- Menjalankan kerja pengubahan, penambahan, pembaikan atau -penghiasan kepada bangunan **Anda**;
- Kerosakan kepada harta oleh kebakaran penenggelaman atau letupan (selain dari letupan yang diakibatkan oleh dandang domestik) yang dilekapkan kepada rumah pangsa dan pangsapuri individu dalam Bangunan yang Dilindungi;
- Apa-apa perjanjian kontrak;
- Asbestos atau pendedahan atau potensi terdedah kepada asbestos, apa-apa kecederaan atau kerosakan sebenar atau yang dianggap berkaitan dengan asbestos melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pengalihan, -pembuangan atau penghindaran dari asbestos;
- Mana-mana bahagian Bangunan yang Dilindungi yang digunakan berkaitan dengan pekerjaan atau perniagaan **Anda**.

serta had-had di dalam <b>Sijil</b> .	
<b>G) Bantuan Tunai Kesulitan</b>	
<b>Apa Yang Dilindungi</b>	<b>Apa Yang Tidak Dilindungi</b>
<p>Kami akan membayar kepada <b>Anda</b> sehingga Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) untuk pembelian barang keperluan (pakaian dan peralatan asas) sekiranya <b>Rumah Kediaman Persendirian Anda</b> tidak boleh dihuni sekurang-kurangnya 3 hari disebabkan oleh kebakaran.</p> <p>Manfaat ini merupakan tambahan kepada Keseluruhan <b>Jumlah Yang Dilindungi</b> seperti yang dinyatakan di dalam <b>Jadual</b>.</p>	
<b>H) Pendahuluan Tunai</b>	
<p><b>Kami</b> akan membayar kepada <b>Anda</b> jumlah pendahuluan sebanyak dua puluh peratus (20%) daripada jumlah kerugian dalam masa lima belas (15) hari bekerja daripada tarikh <b>Kami</b> menerima laporan interim daripada penilai kerugian <b>Kami</b> untuk kerugian atau kerosakan kepada <b>Rumah Kediaman Persendirian Anda</b> disebabkan oleh <b>Kejadian Yang Dilindungi</b> tertakluk kepada liabiliti <b>Sijil</b>.</p> <p>Sebarang jumlah pendahuluan yang dibayar kepada <b>Anda</b> akan ditolak daripada keseluruhan jumlah yang perlu dibayar untuk kerugian atau kerosakan kepada <b>Rumah Kediaman Persendirian Anda</b>.</p> <p>Manfaat ini akan terpakai hanya jika pihak yang dilindungi merupakan orang perseorangan, bukan syarikat atau entiti lain.</p>	
<b>I) Kerosakan kepada Tangki, Peralatan atau Paip Air</b>	
<p><b>Kami</b> akan membayar kepada <b>Anda</b> sehingga Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500), untuk kos yang ditanggung untuk membaiki atau menggantikan paip yang rosak atau pecah, termasuk pemecahan dinding akibat daripada paip pecah yang tidak dijangka dalam <b>Bangunan Anda</b> yang mengakibatkan pecah atau melimpahnya tangki, peralatan atau paip dalam <b>Bangunan Anda</b>.</p>	<p>Kami tidak melindungi kerugian yang disebabkan oleh bocor atau pecah atau melimpah secara beransur-ansur / haus dan lusuh dalam jangka masa yang mungkin <b>Anda</b> mengetahui keadaan ini.</p>
<b>J) Penggantian Kunci</b>	
<p><b>Kami</b> akan membayar kepada <b>Anda</b> sehingga Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500), untuk kos yang penggantian dan pemasangan kunci, pintu dan tingkap luar yang disebabkan oleh kemasukan secara paksa atau cubaan masuk secara paksa ke <b>Bangunan Anda</b>.</p>	

**PENGECUALIAN AM  
(DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI KANDUNGAN RUMAH)**

**Anda** tidak akan dilindungi di bawah keadaan-keadaan berikut:

**Pengecualian Am 1**

**Kami** tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara;
- b) Dahagi, rusuhan, kebangkitan tentera atau orang awam, insureksi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa pihak tentera, pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan;
- c) Sebarang tindakan keganasan.

Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletak orang awam atau sebahagian orang awam berada di dalam ketakutan.

Sebarang kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang berlaku semasa wujudnya keadaan yang luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat mana-mana satu **kejadian** tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung, mana-mana **Kejadian** tersebut hendaklah dianggap sebagai kerugian, kerosakan atau suatu kontigensi yang tidak dilindungi oleh takaful ini, melainkan **Anda** boleh membuktikan kerugian, kerosakan atau kontigensi lain tersebut berlaku secara berasingan daripada kewujudan keadaan yang luar biasa tersebut.

Di dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain, di mana, apabila **Kami** mengatakan bahawa dengan sebab peruntukan syarat ini, sebarang kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh takaful ini, beban untuk membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi adalah bergantung kepada **Anda**.



## Pengecualian Am 2

**Kami** tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan:

- yang disebabkan oleh pemberhentian kerja, atau oleh sebab perampasan, penyitaan ketenteraan, rekuisisi atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan perintah kerajaan de jure atau de facto atau mana-mana Perbandaran Awam atau Pihak Berkuasa Tempatan Negara atau kawasan terletak harta tersebut;
- kepada harta melalui penapaian, kepanasan semula jadi atau kebakaran spontan atau oleh sebab ia melalui sebarang proses pemanasan atau pengeringan;
- yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh bahan senjata nuklear;
- yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau apa-apa bahan buangan nuklear atau dari pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan Pengecualian ini pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.

## Pengecualian Am 3

**Kami** tidak akan melindungi apa-apa jenis **Kerugian Turutan** atau kerosakan kecuali Takaful Sewa.

## Pengecualian Am 4

Penyakit Berjangkit atau kebimbangan atau ancaman (sama ada sebenar atau dianggap) sesuatu Penyakit Berjangkit.

# BAGAIMANA KAMI MENYELESAIKAN TUNTUTAN ANDA (DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI KANDUNGAN RUMAH)

## Keentingan Boleh Takaful

Hanya **Anda** yang berhak membuat tuntutan daripada **Kami** kecuali jika berlaku kematian kepada **Anda** atau melalui kuatkuasa undang-undang, penukaran kepentingan takaful ini kepada orang lain hanya boleh berkuatkuasa setelah **Kami** mengendors **Sijil** ini.

## Tidak Ada Hak untuk Membuat Tuntutan Daripada Orang Lain

Ketika **Sijil** ini melindungi harta milik **Keluarga Anda** atau pembantu rumah domestik, hanya **Anda** yang berhak membuat tuntutan bagi pihak mereka.

## Terhad kepada Tiga (3) Tetamu Berbayar sahaja

**Sijil** ini adalah sah jika bilangan tetamu berbayar, orang tumpangan dan penginap rumah penginapan tidak melebihi tiga (3) orang.

Bagi maksud Manfaat Tambahan – F) Liabiliti Kepada Awam, tetamu berbayar, orang tumpangan dan penginap rumah penginapan sedemikian adalah dianggap sebagai Ahli **Keluarga Anda**.

## Nilai Pasaran

**Kami** akan mengganti rugi **Anda** nilai yang Dilindungi atau **Nilai Pasaran** bagi harta yang Dilindungi yang mana lebih rendah, dan tertakluk kepada pemotongan sebarang **lembihan**.

**Nilai Pasaran** bermaksud nilai ke atas harta yang Dilindungi pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan tolak pertimbangan wajar kerana **Haus** dan **Lusuh** dan/atau **Susutnilai**.

Nilai pasaran akan ditentukan melalui penilaian oleh **Kami** daripada:

- pembuat, atau
- ejen tunggal yang sah atau ejen, atau
- broker yang sah, pengedar yang sah, atau
- kontraktor bangunan, atau
- penyelaras kerugian berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, atau
- Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Estet 1981 yang dilantik secara bersama di antara **Anda** dan **Kami**.

Penilaian yang diperolehi adalah bukti muktamad di dalam mana-mana prosiding guaman terhadap **Kami**.

## Liabiliti Maksimum Kami

Jumlah keseluruhan liabiliti **Kami** kepada **Anda** berkenaan dengan kerugian atau kerosakan di dalam mana-mana satu **Tempoh Takaful** tidak akan melebihi jumlah yang dinyatakan terhadap setiap butiran atau secara agregat Keseluruhan **Jumlah Yang Dilindungi** yang dinyatakan secara khusus di dalam **Jadual** atau jumlah lain yang disahkan di dalam **Sijil**.

## Purata

Jika nilai pasaran harta yang dilindungi secara kolektif mempunyai nilai yang lebih besar daripada **jumlah yang Dilindungi** seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**, maka **Anda** hendaklah bertanggungjawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya. Perkongsian kadar kerugian diguna pakai secara berasingan terhadap setiap butiran yang dilindungi.

## Lembihan

Bagi kerugian atau kerosakan (kecuali akibat kebakaran) kepada Bangunan Rumah Kediaman Persendirian oleh mana-mana **Kejadian Yang Dilindungi** yang tertakluk kepada **Lembihan**, **Lembihan** diguna pakai secara berasingan kepada:

- setiap bangunan. Semua bangunan di dalam **Premis** yang sama seperti yang dinyatakan di dalam **jadual** adalah dianggap sebagai satu bangunan.
- setiap insiden. Jika **Kejadian Yang Dilindungi** yang sama berlaku dalam masa tujuh (7) hari berturut-turut, ia adalah dianggap insiden yang sama.

## Takaful Lain

Jika terdapat sebarang **Sijil** lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti, **Kami** hanya akan membayar perkadaran setimpal daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.

## Subrogasi

**Kami** berhak untuk melaksanakan di atas nama **Anda** dan bagi pihak **Anda**:

- pengendalian penuh, kawalan dan penyelesaian apa-apa prosiding;
- mendapatkan kembali pampasan atau **Gantirugi** dari mana-mana pihak ketiga berkenaan apa-apa yang dilindungi di bawah **Sijil** ini.

di atas perbelanjaan dan manfaat **Kami** sendiri.

#### **Penipuan**

**Kami** tidak akan membayar sekiranya tuntutan **Anda** dibuat dengan cara penipuan oleh **Anda** atau oleh sesiapa yang bertindak bagi pihak **Anda**.

#### **Hak Akses dan Kawalan**

Apabila berlaku apa-apa kerugian atau kerosakan **Kami** berhak untuk:

- memasuki mana-mana bangunan di mana kerugian dan kerosakan tersebut telah berlaku;
- mengambil dan mengekal milik harta yang Dilindungi;
- menguruskan sisaan harta yang Dilindungi yang telah rosak.

Walau bagaimanapun **Anda** tidak boleh meninggalkan harta yang Dilindungi yang telah rosak itu kepada **Kami**.

#### **Timbangtara**

Jika terdapat apa-apa pertelingkahan yang timbul mengenai amaun kerugian dan kerosakan di antara **Anda** dan **Kami**, pertelingkahan sedemikian hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh **Anda** dan **Kami**. Jika **Anda** dan **Kami** tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara tunggal, dalam tempoh dua bulan apabila dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian, maka pihak **Anda** dan **Kami** layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing dan hendaklah melantik seorang **Wasit** untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut. Walau bagaimanapun, satu pihak adalah bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal sekiranya pihak yang satu lagi gagal untuk melantik seorang Penimbang Tara dalam masa dua bulan setelah menerima notis secara bertulis untuk melantik seorang Penimbang Tara yang lain.

Kos timbangtara dan award hendaklah diputuskan oleh Penimbang Tara atau Wasit yang membuat award.

**Anda** dan **Kami** dengan jelas bersetuju bahawa award oleh Penimbang Tara atau Wasit hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum **Anda** boleh memulakan prosiding guaman terhadap **Kami**.

#### **Klausa Pengecualian dan Had Sekatan**

**Sijil** ini tidak akan memberi perlindungan dan **Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau menyediakan apa-apa manfaat di bawah ini sekiranya penyediaan perlindungan, pembayaran sebarang tuntutan, atau peruntukan Manfaat tersebut akan mendedahkan **Kami** kepada mana-mana sekatan, larangan atau halangan di bawah ketetapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat atau mana-mana negerinya, dan / atau mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkaitan. **Kami** boleh menamatkan **Sijil** ini dengan serta-merta dan selepas itu tidak perlu menjalankan apa-apa urusan perniagaan dengan **Anda** berkaitan dengan **Sijil** ini.

### **BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN (DIGUNAPAKAI UNTUK KEGUNAAN BANGUNAN DAN/ATAU ISI KANDUNGAN RUMAH)**

#### **Notis dan Bukti Tuntutan**

**Anda** hendaklah dengan segera memberitahu **Kami** secara bertulis mengenai apa-apa kerugian atau kerosakan dan:

- dalam tempoh 30 hari selepas **kejadian** dan di atas perbelanjaan **Anda** sendiri, menyerahkan kepada **Kami** tuntutan secara bertulis dengan mengemukakan butir-butir terperinci dan bukti-bukti munasabah sebagaimana yang **Kami** perlukan.
- bagi kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kecurian atau percubaan mencuri, **Anda** mestilah membuat laporan polis dengan segera.

#### **Pelan-pelan Bangunan**

Sekiranya **Kami** memilih untuk memulihkan semula mana-mana bangunan, **Anda** hendaklah menyediakan kepada **Kami**, pelan-pelan, spesifikasi-spesifikasi dan kuantiti-kuantiti sebagaimana yang mungkin di kehendaki **Kami**.

#### **Tuntutan Liabiliti**

**Anda** hendaklah apabila menerima sebarang notis mengenai apa-apa kemalangan atau tuntutan dari pihak-pihak lain, memberikan notis secara bertulis dengan segera kepada **Kami** dan menyediakan butir-butir penuh secara bertulis kepada **Kami** secepat yang mungkin.

**Anda** hendaklah menghantar kepada **Kami** dengan segera apa-apa writ, saman atau lain-lain proses perundangan yang dikeluarkan atau dimulakan terhadap **Anda** serta menyediakan semua maklumat dan bantuan yang diperlukan bagi membolehkan **Kami** untuk menyelesaikan atau menghalang apa-apa tuntutan atau untuk memulakan prosiding.

**Anda** tidak boleh tanpa keizinan bertulis daripada **Kami**:

- mengakui atau menyangkal apa-apa tuntutan atau liabiliti;
- menawar atau berunding untuk membayar tuntutan.

### **TANGGUNGJAWAB ANDA (DIGUNAPAKAI UNTUK KEGUNAAN BANGUNAN DAN/ATAU ISI KANDUNGAN RUMAH)**

#### **Tanggungjawab Untuk Mengambil Langkah Berhati-hati**

**Anda** hendaklah menggunakan segala usaha dan kecermatan yang munasabah bagi menyelenggara **Premis** tersebut dalam keadaan sesuai untuk dibaiki pulih. Sebagai tuan-punya Kediaman **Persendirian**, **Anda** hendaklah membaiki secepat mungkin apa-apa kecacatan yang ditemui dan pada masa yang sama, mengambil langkah berhati-hati untuk mencegah daripada berlakunya kecederaan, kerugian dan kerosakan.

Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kecederaan, kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kegagalan **Anda** untuk memulihkan kecacatan itu selepas menerima notis daripada **Kami** atau daripada mana-mana orang atau badan awam.

### **Pengembalian Semula Jumlah Yang Dilindungi**

Selepas sesuatu kerugian, **Jumlah** penuh yang **Dilindungi** di bawah takaful ini hendaklah dikekalkan.

**Anda** adalah dikehendaki untuk membayar **sumbangan** tambahan secara pro rata berdasarkan jumlah kerugian yang dihitung dari tarikh kerugian tersebut sehingga tarikh tamat takaful.

### **Fasal Sijil Tanpa Nilai**

Ini adalah suatu **Sijil** tanpa nilai. **Anda** mestilah membuktikan sehingga pengendali takaful berpuashati akan nilai atau jumlah sebenar harta pada masa berlakunya kemusnahan tersebut.

## **BAGAIMANA SIJIL ANDA BOLEH DIBATALKAN (DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI KANDUNGAN RUMAHNYA)**

**Anda** boleh membatalkan **Sijil** ini pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada **Kami**. **Anda** berhak untuk mendapat bayaran balik **sumbangan** setelah **Kami** caj kepada **Anda** berdasarkan **Kadar pro rata** atau **sumbangan** minimum yang harus dibayar di bawah **Sijil** ini, yang mana lebih tinggi.

**Kami** juga boleh membatalkan **Sijil** ini pada bila-bila masa jika ianya perlu, bersesuaian dan wajar dengan memberi **Anda** notis tujuh (7) hari secara bertulis dan akan memulangkan **sumbangan** secara pro rata untuk **tempoh takaful** yang belum tamat.

## **GLOSARI**

Setengah-setengah perkataan dan ungkapan di dalam **Sijil** ini mempunyai makna yang spesifik seperti di bawah. Setiap perkataan yang muncul dicetak dalam huruf tebal.

“**Anda**” bermakna orang yang dinamakan di dalam **Jadual** iaitu **Orang Yang Dilindungi**.

“**Banjir**” bermakna limpahan atau lencungan dari saluran biasa sama ada secara semulajadi atau buatan, pecahan atau melimpahnya saluran utama air awam dan sebarang aliran lain atau pengumpulan air yang berasal dari luar bangunan.

“**Cagar**” bermakna dikunci untuk menghalang kemasukan melainkan jika menggunakan kekerasan.

“**Penyakit Berjangkit**” bermakna sebarang penyakit yang boleh merebak melalui sebarang bahan atau agen daripada apa sahaja organisma kepada organisma lain yang mana:

- a) bahan atau agen tersebut terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakterium, parasit atau organisma lain atau ubahannya, sama ada dianggap hidup atau tidak,
- b) cara jangkitan, sama ada langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cara jangkitan bawaan udara, cara jangkitan cecair badan, cara jangkitan daripada atau kepada sebarang permukaan atau objek, pejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
- c) penyakit, bahan atau agen tersebut boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada kesihatan manusia atau kebajikan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta yang dilindungi di bawah ini.

“**Barangan Peribadi**” bermakna barangan milik peribadi yang selalu dipakai atau dibawa oleh seseorang untuk kegunaannya sendiri, sebagai contoh, pakaian, jam tangan dan dompet.

“**Dana Takaful Am (Dana)**” bermaksud akaun Peserta di mana bahagian **Tabarru'** daripada **Sumbangan** dimasukkan bagi tujuan Takaful. **Dana** ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta dan **Jumlah yang Dilindungi** yang ditunjukkan di dalam **Jadual Takaful** adalah dibayar daripada **Dana** tersebut.

“**Ganti Rugi**” bermakna meletakkan **Anda** kembali ke kedudukan kewangan yang asal sebagaimana sebelum kerugian.

“**Haus dan Lusuh**” bermakna kerosakan atau penurunan nilai melalui umur, penggunaan biasa atau penyelenggaraan yang kurang.

“**Hakisan**” bermakna yang dipakai atau dihanyutkan oleh air atau angin.

“**Jadual**” bermakna **Jadual Sijil** di mana kedua-dua butiran yang **Dilindungi** dan **jumlah yang Dilindungi** dinyatakan.

“**Ju'alah**” ialah kontrak upah. Ia adalah kontrak pertukaran untuk tugas yang diketahui atau tidak diketahui yang sukar untuk ditentukan dan pembayaran perlu dibuat sebaik sahaja tugas tersebut disempurnakan. Berkaitan dengan **Sijil** ini, ia merujuk kepada ganjaran yang diberikan kepada **Kami** yang dipersetujui terlebih dahulu oleh **Anda** dan **Kami** bagi pengurusan **Dana** yang baik.

“**Jumlah Yang Dilindungi**” bermakna amaun **Anda** **Dilindungi** sama ada bangunan **Anda**, Isi kandungan Rumah **Anda** (termasuk kandungan ditentukan) seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual**. Ini juga termasuk Manfaat Tambahan dan apa-apa Manfaat Pilihan oleh **Anda**.

“**Kami**” bermakna pengendali takaful.

“**Keluarga**” dan “**Penghuni Rumah**” bermakna mana-mana orang yang selalunya menghuni dengan **Anda**.

“**Kejadian**” bermakna waktu sebenar insiden itu berlaku.

“**Kejadian Yang Dilindungi**” bermakna salah satu peril yang disenaraikan di dalam **Sijil** ini.

“**Kepingan Kaca**” bermakna kaca yang dipasang pada struktur bangunan.

“**Kerugian Turutan**” bermakna kerugian kewangan.

“**Kontrak Takaful Pengguna**” bermaksud takaful sepenuhnya yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion orang yang dilindungi.

“**Kontrak Takaful Komersial**” bermaksud takaful bagi tujuan perdagangan, perniagaan atau profesion orang yang dilindungi.

“**Lebih**” bermakna jumlah yang **Anda** perlu bayar terhadap tuntutan sebelum **Kami** membayar. Jumlah ini akan dinyatakan di dalam **Jadual** atau pada apa-apa Manfaat Pilihan.

“**Lekapan atau Lengkapan**” bermakna barangan yang kekal melekat pada bangunan **Anda**.

“**Pengendorsan**” bermakna perubahan secara bertulis kepada terma-terma, syarat-syarat dan had-had **Sijil** yang ditunjukkan di dalam **Jadual**.

“**Premis**” bermakna tanah di alamat yang ditunjukkan di dalam **Jadual** di mana bangunan itu di bina, termasuk kawasan atau taman yang digunakan untuk tujuan domestik.

“**Penyewa Mehilangkan Diri**” bermakna penyewa melarikan diri atau meninggalkan Bangunan tanpa sebarang notis dan tanpa niat untuk kembali.

“**Rompakan dan Tahan**” bermakna harta benda dilindungi sama ada diambil atau diserahkan; kedua-dua keadaan disebabkan paksaan, ancaman atau ugutan keganasan fizikal yang dibuat terhadap **Anda**, atau mereka yang tinggal dengan **Anda** dalam rumah yang sama, atau orang lain yang dibenarkan berada di **Premis Anda**.

“**Sijil**” bermakna kontrak takaful **Anda** yang mengandungi pernyataan **Sijil** ini dan **Jadual**.

“**Sumbangan**” bermakna sebarang jumlah yang **Kami** minta **Anda** bayar di bawah **Sijil** ini dan termasuk caj kerajaan.

“**Susutnilai**” bermakna pengurangan dalam nilai barangan atau harta akibat **haus dan lusuh**.

“**Terbuka**” bermakna di mana-mana bahagian **Premis** yang tidak tertutup sepenuhnya oleh dinding dan bumbung, juga bangunan-bangunan luar di atas **Premis** bangunan tersebut yang tidak dapat dicagar.

“**Tempoh Takaful**” bermakna tempoh di mana **Anda** Dilindungi. Ia bermula pada masa **Kami** bersetuju untuk memberi perlindungan kepada **Anda** dan berakhir pada tengah malam hari takaful itu tamat. Tarikh tamat ada ditunjukkan di dalam **Jadual**.

“**Tabarru**” bermaksud sumbangan, derma atau hadiah. Dalam konteks **Sijil** ini, ia bermaksud **Sumbangan** untuk tujuan Takaful. Bahagian ini disimpan dalam **Dana Takaful Am**.

“**Warranti**” bermakna sekatan atau kewajipan yang dikenakan terhadap **Anda** di dalam **Sijil**. Pemungkaran waranti akan melayakkan **Kami** untuk menolak tuntutan **Anda** terhadap kerugian atau kerosakan atau liabiliti.

“**Wakalah**” adalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melakukan tugas-tugas tertentu berkenaan hal-hal yang dipertanggungjawabkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang fi. Dalam konteks **Sijil** ini, ia bermaksud **Anda** telah melantik **Kami** untuk melabur dan menguruskan **Dana Takaful Am** bagi pihak **Anda**. **Anda** juga memberikan kuasa kepada **Kami** untuk mewakilkan hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh **Kami**. Sekiranya ada perwakilan sedemikian, **Kami** akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap **Anda**.

“**Qard**” dalam konteks **Sijil** ini, ia bermaksud pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh **Kami** kepada **Dana Takaful Am** apabila ia tidak mencukupi untuk menanggung kewajipan Takaful dengan syarat kekurangan tersebut bukan disebabkan oleh salah urus atau kecuaiian **Kami**. Pinjaman tersebut akan dibayar semula menggunakan lebihan pada masa hadapan daripada **Dana Takaful Am**. Jika kekurangan tersebut disebabkan oleh salah urus atau kecuaiian **Kami**, **Kami** akan membuat pemindahan secara langsung untuk kekurangan tersebut.

## WARANTI/FASAL/PENGENDORSAN ADALAH TERPAKAI SEKIRANYA DINYATAKAN DALAM JADUAL

### C008 PENGECEUALIAN TAPAK BANGUNAN

Takaful ke atas bangunan tidak termasuk mana-mana bahagian yang lebih rendah daripada permukaan bawah tingkat terbawah sekali (dan bahagian tapak konkrit untuk alatan mesin yang mengatasi paras sedemikian).

### C42B PENGENALPASTIAN TARIKH

Adalah difahamkan dan dipersetujui bahawa sijil ini telah dipinda seperti berikut:

- A. Pengendali takaful tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk kehilangan keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, Kecederaan (termasuk kecederaan anggota), perbelanjaan tertanggung atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terdiri daripada, atau timbul daripada, kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana komputer, alat memproses data, media mikrochip, sistem operasi, mikropemproses (cip komputer), sikit integrasi atau peranti serukpa, atau mana-mana perisian komputer, sama ada harta Orang Yang Dilindungi atau tidak, dan sama ada berlaku sebelum, pada atau selepas tahun 2000 akibat daripada kegagalan atau ketidakupayaan peranti dan/atau perisian seperti tersebut di atas untuk:
  1. mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh sebagai tarikh kalendar sebenar;
  2. merakam, menyimpan, mengekalkan dan/atau mengendali dengan betul, menterjemah atau memproses apa-apa data atau maklumat atau perintah atau arahan akibat dan mengambil apa-apa tarikh selain dari tarikh kalendar sebenar dan/atau;
  3. merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul apa-apa data akibat dan operasi apa-apa arahan yang telah diprogram ke dalam mana-mana perisian komputer, sebagai perintah yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakupayaan untuk merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul data tersebut pada atau selepas apa-apa tarikh.
- B. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa pengendali takaful tidak akan membayar untuk memperbaiki atau mengubah suai mana-mana bahagian pada apa-apa sistem memproses data elektronik atau mana-mana bahagian pada apa-apa peranti dan/atau perisian seperti yang telah disenaraikan dalam A di atas.
- C. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa pengendali takaful tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk hilang keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan anggota), perbelanjaan tertanggung atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada nasihat, perundingan, rekaan, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, pembaikan atau penyeliaan yang dibuat oleh Orang Yang Dilindungi atau untuk Orang Yang Dilindungi atau untuk Orang Yang Dilindungi atau oleh atau untuk pihak lain untuk menentukan, membetulkan atau menguji, apa-apa kegagalan potensi atau sebenar, pincang tugas atau kekurangan seperti yang telah dinyatakan dalam A di atas.
- D. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa pengendali takaful tidak akan membayar apa-apa kerugian turutan akibat daripada apa-apa ketidakupayaan berterusan komputer tersebut dan alat seperti yang dinyatakan dalam A di atas untuk mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh kalendar sebenar selepas kerugian atau kerosakan harta yang telah diganti atau dibaiki.

Kerugian atau kerosakan, kecederaan (termasuk kecederaan anggota), perbelanjaan tertanggung sedemikian atau kerugian turutan yang dirujuk dalam A, B, C atau D di atas, adalah dikecualikan tidak mengambil kira apa-apa sebab lain yang menyumbang serentak atau dalam mana-mana urutan pada masa yang sama.

Tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Sijil.

#### C045 FASAL PENJELASAN KEROSAKAN HARTA

Kerosakan harta yang dilindungi di bawah Sijil ini hendaklah bermaksud kerosakan fizikal ke atas jirim harta. Kerosakan fizikal ke atas jirim harta hendaklah tidak termasuk kerosakan ke atas data atau perisian, terutama sekali apa-apa perubahan merosakkan ke atas data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, kecemaran atau kecacatan bentuk asal. Oleh kerana itu perkara berikut tidak termasuk dalam Sijil ini:

A. Kerugian atau kerosakan ke atas data atau perisian, tetapi tidak terhad kepada apa-apa perubahan merosakkan ke atas data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, kecemaran atau kecacatan bentuk asal, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kerugian atau kerosakan sedemikian.

Walaupun pengecualian ini kerugian atau kerosakan kepada data atau perisian, yang diakibatkan secara langsung oleh kerosakan fizikal yang dilindungi ke atas jirim harta, hendaklah dilindungi.

B. Kerugian atau kerosakan diakibatkan daripada kerosakan fungsi, ketersediaan, kepelbagaian penggunaan atau pencapaian data, perisian atau program komputer, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kerugian dan kerosakan sedemikian.

#### Lampiran:

**Nota: Dicadangkan hanya Manfaat Pilihan yang telah dipilih oleh orang yang dilindungi dimasukkan ke dalam jaket Sijil**

#### MANFAAT PILIHAN

Dengan **Sumbangan** tambahan, **Sijil Anda** boleh diperluaskan untuk melindungi Bangunan dan/atau Isi Kandungan Rumah yang Dilindungi. Manfaat Pilihan akan dinyatakan di dalam **Jadual** sekiranya **Anda** memilih untuk mengambilnya.

#### Digunapakai Untuk Bangunan Sahaja

#### Manfaat Pilihan No. 1 – Perluasan untuk melindungi Isi kandungan rumah dan Perabut Tuan Tanah di dalam blok rumah pangsa/pangsapuri (N.B. Manfaat ini hanyalah untuk Tuan Tanah sahaja)

Apa Yang Dilindungi	Apa Yang Tidak Dilindungi
<p>Sebagai pemilik bangunan, <b>Kami</b> akan melindungi <b>Anda</b> dengan jumlah RM..... sebagai nilai penuh barangan isirumah dan perabut milik <b>Anda</b>. Jumlah ini akan digunapakai dengan kadar yang sama rata untuk setiap unit rumah pangsa/pangsapuri persendirian.</p> <p><b>Kejadian yang Dilindungi</b> untuk kerugian atau kerosakan kepada barangan isi rumah dan perabut Tuan Tanah di bawah perluasan ini adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Kebakaran, Kilat, Petir, Kebakaran Bawah Tanah.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Segala jenis barangan isirumah, perabut atau <b>Barangan Persendirian</b> yang dibawa ke dalam rumah pangsa persendirian oleh penyewa.</li> <li>Barangan emas atau perak.</li> </ol>
<ol style="list-style-type: none"> <li>Letupan.</li> </ol>	
<ol style="list-style-type: none"> <li>Pesawat dan Peranti Udara yang lain atau sebarang benda yang gugur daripadanya.</li> </ol>	
<ol style="list-style-type: none"> <li>Hentaman terhadap mana-mana bangunan oleh sebarang kenderaan jalanraya atau binatang bukan kepunyaan atau di bawah kawalan: <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Anda</b> atau ejen atau pembantu rumah <b>Anda</b>.</li> <li>Sesiapa yang tinggal di rumah pangsa/pangsapuri persendirian atau ejen atau pembantu rumahnya.</li> </ul> </li> </ol>	
<ol style="list-style-type: none"> <li>Pecahnya atau Melimpahnya Tangki, Peralatan atau Paip Air Rumah.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Amaun <b>Lebihan</b> yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b>.</li> <li>Kemusnahan atau kerosakan yang berlaku ketika rumah pangsa/pangsapuri persendirian tidak dihuni.</li> </ol>
<ol style="list-style-type: none"> <li>Kecurian tetapi jika disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada sesebuah bangunan atau sebarang percubaan berkaitan dengan menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Sekiranya Rumah Kediaman Persendirian tidak di huni lebih daripada sembilan puluh (90) hari sama ada secara terus-menerus atau tidak dalam mana-mana satu <b>Tempoh Takaful</b>, perlindungan ini akan diberhentikan sementara melainkan dipersetujui oleh <b>Kami</b> melalui <b>Pengendorsan</b>.</li> <li>Kerugian atau kerosakan akibat dari kecurian oleh pembantu rumah domestik <b>Anda</b> atau mana-mana <b>Ahli Keluarga Anda</b>.</li> </ol>
<ol style="list-style-type: none"> <li>Hurikan, Siklon, Taufan, Ribut Angin</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Amaun <b>Lebihan</b> yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b>.</li> </ol>

	<p>b) Kerugian atau kerosakan kepada:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i) Mana-mana bangunan semasa dalam pembinaan, pembinaan semula atau pembaikan kecuali semua pintu luar, tingkap dan bukaan lain adalah lengkap dan dilindungi;</li> <li>ii) Cerobong asap logam, bidai kajang, papan tanda <b>Lekapan atau Kelengkapan</b> luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar.</li> </ol>
8. Gempabumi, Letusan Gunung Berapi	Amaun <b>Lebihan</b> yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b> .
<p>9. <b>Banjir</b>, termasuk limpahan air laut.</p> <p>Untuk Manfaat Tambahan E) Takaful Sewa, amaun ini akan ditambah kepada <b>Jumlah Yang Dilindungi</b> ke atas Bangunan seperti yang dinyatakan di dalam <b>Jadual</b>.</p> <p>Manfaat Tambahan F) Liabiliti kepada Awam kini merangkumi perlindungan untuk kemalangan yang disebabkan oleh kecacatan pada barangan isirumah dan perabot kepunyaan Tuan Tanah.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>a) Amaun <b>Lebihan</b> yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b>.</li> <li>b) Kerugian atau kerosakan kepada bangunan yang disebabkan oleh penanggalan atau gelinciran tanah kecuali disebabkan oleh gempa bumi atau letupan gunung berapi.</li> </ol>
<b>Manfaat Pilihan No. 2 – Takaful Kepingan Kaca</b>	
<p>Takaful ini diperluaskan untuk melindungi kerosakan tidak sengaja kepada <b>Kepingan Kaca</b> yang terjadi sepanjang <b>Tempoh Takaful</b> untuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengganti <b>Kepingan Kaca</b> yang pecah dengan kaca yang sama buatan atau kualiti atau mengikut pilihan <b>Kami</b>, <b>Kami</b> akan membayar kepada <b>Anda</b> kos penggantian tersebut tertakluk kepada jumlah maksimum RM1,000.00 bagi sekeping kaca.</li> <li>2. Membayar kos untuk menutupi pecahan tersebut yang mana <b>Kami</b> bertanggungjawab ke atasnya.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>a) Pecahan atau kerosakan terhadap bingkai atau rangka bingkai dalam apa keterangan sekalipun;</li> <li>b) Kos bagi mengalih atau mengganti mana-mana <b>Lekapan atau Lengkapan</b>;</li> <li>c) Gelas pecah di rumah kaca, rumah hijau atau bangunan luar;</li> <li>d) Pemecahan gelas yang pecah atau rosak ketika bermulanya takaful ini;</li> <li>e) Mana-mana <b>Kerugian Turutan</b>.</li> </ol>
<b>Manfaat Pilihan No. 3 – Perluasan untuk melindungi kerugian atau kerosakan oleh hurikan, siklon, taufan atau ribut angin kepada cerobong asap logam, tirai, bidai kajang, papan tanda dan lekapan dan lengkapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar</b>	
<p>Takaful ini diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan kepada cerobong asap logam, tirai, bidai kajang, papan tanda dan <b>Lekapan dan Lengkapan</b> luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar di bawah <b>Kejadian Yang Dilindungi</b> 7(b).</p>	
<b>Manfaat Pilihan No. 4 – Perluasan untuk melindungi terhadap perubahan, pembaikan dan penambahan (tetapi bukan kenaikan nilai melebihi jumlah yang Dilindungi)</b>	
<p>Takaful ini diperluaskan untuk melindungi perubahan, pembaikan dan penambahan (tetapi bukan kenaikan nilai melebihi <b>Jumlah Yang Dilindungi</b>) kepada Bangunan bagi jumlah tidak melebihi 25% ke atas <b>Jumlah Keseluruhan Yang Dilindungi</b> ke atas Bangunan.</p> <p>Manfaat Tambahan F) Liabiliti kepada Awam kini merangkumi perlindungan terhadap liabiliti yang timbul daripada atau secara sampingan oleh kerja-kerja perubahan, penambahan, pembaikan atau penghiasan kepada bangunan.</p>	
<b>Manfaat Pilihan No. 5 – Lanjutan Takaful Sewa Tuan Tanah</b>	
<p>Takaful ini diperluaskan untuk melindungi Bangunan Anda yang telah disewakan kepada penyewa.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kerosakan oleh Penyewa <b>Kami</b> akan membayar kepada <b>Anda</b> di atas kerugian atau kerosakan pada <b>Bangunan Anda</b> akibat perbuatan niat jahat oleh penyewa sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual semasa dalam Tempoh Takaful.</li> <li>2. Penyewa Mehilangkan Diri <b>Kami</b> akan membayar kepada <b>Anda</b> jumlah seperti yang dinyatakan dalam Jadual sekiranya penyewa <b>Anda</b> telah meninggalkan <b>Rumah Anda</b> tanpa membayar sewa. Manfaat ini boleh dituntut sehingga dua (2) kali dalam tempoh 12 bulan.</li> <li>3. Bayaran untuk Surat Tuntutan <b>Kami</b> akan menanggung kos untuk mengeluarkan surat tuntutan bagi pihak <b>Anda</b> kepada penyewa untuk menuntut bayaran lewat sewa seperti yang dinyatakan dalam perjanjian penyewaan <b>Anda</b>.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>a) Kerosakan Bangunan akibat haus dan lusuh</li> <li>b) Tiada pengemasan atau penjagaan yang baik oleh penyewa atau ahli keluarga penyewa;</li> <li>c) Kos pembersihan, hiasan semula atau kertas dinding kecuali kerosakan struktur fizikal pada Bangunan <b>Anda</b>.</li> </ol>

Manfaat ini hanya boleh dituntut sehingga dua (2) kali dalam tempoh 12 bulan.

### Digunapakai Untuk Isi Kandungan Rumah Sahaja

#### Manfaat Pilihan No. 6A – Perluasan untuk melindungi perlindungan terhadap kecurian tetapi tidak termasuk kecurian oleh pembantu rumah domestik atau mana-mana Ahli Keluarga atau Penghuni Rumah Anda

Apa Yang Dilindungi	Apa Yang Tidak Dilindungi
<p><b>Kejadian yang Dilindungi</b> No. 6 kini di baca seperti berikut:</p> <p>Kecurian atau apa-apa percubaan untuk mencuri.</p> <p>Untuk isi kandungan rumah yang dialihkan sementara, kecurian hanya dilindungi:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>di mana-mana bank, peti simpanan keselamatan atau kediaman persendirian yang dihuni;</li><li>di dalam mana-mana bangunan di mana <b>Anda</b> atau mana-mana <b>Ahli Keluarga Anda</b> menghuni;</li><li>di dalam proses pengalihan dari atau ke mana-mana bank atau peti simpanan semasa di dalam tanggungan <b>Anda</b>, salah seorang <b>Ahli Keluarga Anda</b> atau seseorang yang telah diberi kuasa.</li></ol> <p>Untuk harta yang dialihkan sementara ke tempat lain selain i), ii) dan iii) di atas, isi kandungan rumah hanya akan dilindungi terhadap kecurian atau apa-apa percubaan untuk mencuri sekiranya kecurian tersebut disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar secara kasar dan ganas daripada sesebuah bangunan.</p>	<ol style="list-style-type: none"><li><ol style="list-style-type: none"><li>Jika bangunan atau mana-mana bahagiannya dipinjamkan, disewa atau disewa semula.</li><li>Kecurian dari mana-mana bangunan luaran yang bukan secara langsung bersambung dengan rumah kediaman persendirian atau rumah pangsa/ pangsapuri/kondominium persendirian.</li><li>Kecurian harta pembantu rumah selain daripada rumah kediaman persendirian <b>Anda</b> atau rumah pangsa/pangsapuri/ kondominium persendirian.</li></ol><p>KECUALI disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar secara kasar dan ganas daripada sesebuah bangunan.</p></li><li>Kecurian dari <b>Tempat Terbuka</b>.</li><li>1% yang pertama daripada <b>Jumlah Yang Dilindungi</b> atau RM250.00, yang mana lebih rendah. .</li><li>Kecurian oleh pembantu rumah domestik <b>Anda</b> atau mana-mana <b>Ahli Keluarga</b> atau <b>Penghuni Rumah Anda</b>.</li></ol> <p>Sekiranya Rumah Kediaman Persendirian ditinggalkan tanpa penghuni selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari secara terus menerus dalam mana-mana satu <b>Tempoh Takaful</b>, perlindungan ini akan diberhentikan sementara kecuali telah dipersetujui oleh <b>Kami</b> melalui <b>Pengendorsan</b>.</p>

#### Manfaat Pilihan No. 6B – Perluasan untuk melindungi kecurian termasuk oleh pembantu rumah domestik

<p><b>Kejadian yang Dilindungi</b> No. 6 kini dibaca seperti berikut:</p> <p>Kecurian atau apa-apa percubaan untuk mencuri termasuk kecurian oleh pembantu rumah domestik <b>Orang Yang Dilindungi</b>.</p> <p>Untuk isi kandungan rumah yang dialihkan sementara, kecurian hanya dilindungi:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>di mana-mana bank, peti simpanan keselamatan atau kediaman persendirian yang dihuni;</li><li>di dalam mana-mana bangunan di mana <b>Anda</b> atau mana-mana <b>Ahli Keluarga Anda</b> menghuni;</li><li>di dalam proses pengalihan dari atau ke mana-mana bank atau peti simpanan semasa di dalam tanggungan <b>Anda</b>, salah seorang <b>Ahli Keluarga Anda</b> atau seseorang yang telah diberi kuasa.</li></ol> <p>Untuk harta yang dialihkan sementara ke tempat lain selain i), ii) dan iii) di atas, isi kandungan rumah hanya akan Dilindungi terhadap kecurian atau apa-apa percubaan untuk mencuri sekiranya kecurian tersebut disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar secara kasar dan ganas daripada sesebuah bangunan.</p>	<ol style="list-style-type: none"><li><ol style="list-style-type: none"><li>Jika bangunan atau mana-mana bahagiannya dipinjamkan, disewa atau disewa semula.</li><li>Kecurian dari mana-mana bangunan luaran yang bukan secara langsung bersambung dengan rumah kediaman persendirian atau rumah pangsa/ pangsapuri/kondominium persendirian.</li><li>Kecurian harta pembantu rumah selain daripada rumah kediaman persendirian <b>Anda</b> atau rumah pangsa/pangsapuri/ kondominium persendirian.</li></ol><p>KECUALI disertai dengan pemecahan masuk atau keluar secara kasar dan ganas daripada bangunan.</p></li><li>Kecurian dari <b>Tempat Terbuka</b>.</li><li>1% yang pertama daripada <b>Jumlah Yang Dilindungi</b> atau RM250.00, yang mana lebih rendah.</li><li>Sekiranya Rumah Kediaman Persendirian ditinggalkan tanpa penghuni selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari secara terus menerus dalam mana-mana satu <b>Tempoh Takaful</b>, perlindungan ini akan diberhentikan sementara kecuali telah dipersetujui oleh <b>Kami</b> melalui <b>Pengendorsan</b>.</li></ol>
--	---

#### Manfaat Pilihan No. 7 – Manfaat kematian akibat kemalangan untuk keluarga

<p><b>Anda</b> atau <b>Ahli Keluarga Anda</b> dilindungi terhadap kecederaan maut (kematian) yang terjadi dalam <b>Rumah Kediaman Persendirian</b> akibat keganasan luaran dan nyata disebabkan oleh pencuri atau kebakaran, dengan syarat kematian berlaku dalam tempoh tiga (3) bulan kalendar selepas kecederaan sedemikian.</p> <p>Had liabiliti adalah Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) seorang, maksimum lima (5) orang. Manfaat ini hanya dibayar kepada <b>Anda</b> atau <b>Ahli Keluarga Anda</b> yang tinggal bersama di <b>Rumah Kediaman Persendirian</b> semasa Tempoh Takaful ini. Sekiranya terdapat lebih dari satu (1) nama yang Dilindungi, <b>Anda</b> mestilah menamakan seorang atau</p>	
---	--

<p>lebih dan hendaklah sertakan nama dan nombor pengenalan kepada <b>Kami</b>.</p> <p>Jika melebihi 5 orang ahli keluarga dan didapati nama serta nombor identiti mereka tidak didaftarkan dengan <b>Kami</b>, maka mereka tidak akan dilindungi dibawah manfaat ini.</p>	
---	--

Digunapakai Untuk Bangunan dan/atau Isi Kandungan Rumah

<b>Manfaat Pilihan No. 8 - Kenaikan had gantirugi tambahan di bawah Manfaat Tambahan E – Takaful Sewa</b>	
<b>Apa Yang Dilindungi</b>	<b>Apa Yang Tidak Dilindungi</b>
<p>Had liabiliti di bawah Manfaat Tambahan E – Takaful Sewa dinaikkan kepada..... ( ) peratus daripada <b>Jumlah Yang Dilindungi</b> ke atas Bangunan dan/atau Isi Kandungan Rumah.</p>	
<b>Manfaat Pilihan No. 9 – Kenaikan had gantirugi di bawah Manfaat Tambahan F - Liabiliti kepada Awam</b>	
<p>Had liabiliti di bawah Manfaat Tambahan F - Liabiliti kepada Awam dinaikkan kepada RM..... untuk mana-mana satu kemalangan atau siri kemalangan yang merupakan satu <b>Kejadian</b>.</p>	
<b>Manfaat Pilihan No. 10 – Perluasan perlindungan terhadap Rusuhan, Mogok dan Niat Jahat</b>	
<p>Takaful ini diperluaskan untuk melindungi Rusuhan, Mogok, Niat Jahat.</p> <p>Kerugian atau kerosakan ke atas harta yang Dilindungi yang disebabkan secara langsung oleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama yang lain dalam mana-mana kekacauan ketenteraman awam (sama ada berkaitan atau tidak dengan mogok atau sekat-masuk) yang bukan <b>Kejadian</b> yang disebut di dalam butiran (a), (b) dan (c) dibawah bahagian "Apa yang Tidak Dilindungi" dari peluasan ini.</li> <li>Perbuatan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba menghalang mana-mana kekacauan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat daripada kekacauan tersebut.</li> <li>Perbuatan sengaja oleh mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk dalam meneruskan pemogokan atau menentang penyekatan masuk.</li> <li>Perbuatan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba menghalang apa-apa tindakan sedemikian atau mengurangkan akibat daripada tindakan tersebut.</li> <li>Perbuatan niat jahat oleh mana-mana orang (sama ada perbuatan tersebut dilakukan semasa berlakunya kekacauan ketenteraman awam atau pun tidak) samada perbuatan sedemikian tidak bermaksud atau mempunyai kaitan dengan <b>Kejadian</b> yang disebutkan di dalam butiran a), b) dan c) dibawah bahagian "Apa yang Tidak Dilindungi" dari peluasan ini.</li> </ol> <p>Purata</p> <p>Sekiranya harta yang Dilindungi, pada ketika berlakunya kebakaran atau semasa bemulanya apa-apa kemusnahan atau kerosakan ke atas harta tersebut oleh mana-mana peril lain yang Dilindungi di bawah perluasan ini secara kolektifnya mempunyai nilai yang lebih besar daripada <b>Jumlah Yang Dilindungi</b> ke atasnya, maka, <b>Anda</b> hendaklah bertanggungjawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung bahagian yang setimpal daripada jumlah kerugian. Keadaan ini akan diguna pakai secara berasingan untuk setiap butiran yang Dilindungi.</p> <p>Tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma dalam <b>Sijil</b>.</p>	<p>Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada, secara langsung atau tidak langsung, dari mana-mana <b>Kejadian</b> berikut, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara.</li> <li>Dahagi, kekacauan awam yang boleh dianggap menghampiri tahap kebangkitan awam, kebangkitan ketenteraan, insurreksi, pemberontakan, revolusi, ketenteraan atau rampasan kuasa.</li> <li>Sebarang tindakan keganasan.</li> </ol> <p>Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam yang berada di dalam ketakutan.</p> <p>Dalam mana-mana tindakan, guaman atau prosiding lain, apabila <b>Kami</b> mendakwa bahawa oleh sebab peruntukan dalam Syarat ini, apa-apa kerugian atau kerosakan adalah tidak dilindungi oleh takaful ini, beban membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi, adalah bergantung kepada <b>Anda</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Berkaitan dengan perbuatan niat jahat, <b>Kami</b> tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan oleh kebakaran atau letupan mahupun kerugian atau kerosakan akibat daripada pecah masuk, pecah rumah kecurian atau larceni atau ancaman daripada mana-mana orang yang mengambil bahagian.</li> <li>Kerugian pendapatan, kerugian akibat kelewatan, kerugian pasaran atau lain-lain kerugian turutan atau kerosakan secara turutan atau dalam apa jua jenis/perihal sekalipun.</li> <li>Kerugian atau kerosakan yang berpunca daripada pemberhentian kerja secara keseluruhan atau sebahagian atau memperlambatkan atau gangguan atau pemberhentian mana-mana proses atau operasi.</li> <li>Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal yang berpunca daripada penyitaan, perampasan atau pengambilan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah.</li> <li>Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal mana-mana bangunan yang berpunca daripada pendudukan secara tidak sah oleh mana-mana orang ke atas bangunan tersebut.</li> </ol>



	Untuk g) atau h) di atas, liabiliti <b>Kami</b> terhadap <b>Anda</b> tidak akan dilepaskan terhadap kerosakan fizikal ke atas harta yang Dilindungi yang berlaku sebelum kehilangan atau dalam tempoh kehilangan sementara.
--	---

**Manfaat Pilihan No. 11 – Perluasan untuk melindungi Penenggelaman dan Gelinciran Tanah**

<p>Takaful ini diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan terhadap harta yang Dilindungi yang disebabkan oleh:</p> <p>i) penenggelaman dan/atau lonjakan tapak tanah bangunan yang didirikan atau tanah kepunyaannya; atau</p> <p>ii) gelinciran tanah.</p> <p>Tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma dalam <b>Sijil</b>.</p>	<p><b>Kami</b> tidak akan membayar kerugian atau kerosakan:</p> <p>a) Ke atas kolam renang, teres, patio, laluan kenderaan, laluan pejalan kaki, dinding, pintu pagar dan pagar kecuali bangunan, bahagian lain yang terpisah daripadanya atau garaj yang dirosakkan oleh sebab yang sama dalam waktu yang sama;</p> <p>b) Ke atas atau yang berpunca dari pergerakan bidur lantai yang kukuh kecuali asas binaan di bawah dinding luaran bangunan yang rosak oleh sebab yang sama dan dalam waktu yang sama;</p> <p>c) Akibat secara langsung atau tidak langsung oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Hakisan</b> pantai atau sungai;</li> <li>• Perobohan, pengubahsuaian struktur atau pembaikan struktur;</li> <li>• Kecacatan pada rekabentuk atau pembinaan asas yang tidak sepadan.</li> </ul> <p>d) Manfaat Pilihan ini adalah tertakluk kepada <b>Lebihan</b> berikut dan ia digunapakai untuk setiap kerugian.</p> <p>5% dari <b>jumlah</b> keseluruhan <b>Dilindungi</b> atau RM25,000.00 mengikut yang lebih rendah, seperti yang ditetapkan setelah mengambil kira syarat-syarat purata.</p>
--	---

**Nota:** Takaful ini boleh diperluaskan untuk melindungi butiran a) dalam Manfaat Pilihan ini dengan bayaran sumbangan tambahan berdasarkan jumlah yang Dilindungi yang berasingan.

## KENYATAAN MAKLUMAT SIJIL

1. Sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat, sila beritahu Kami dengan segera.
2. Untuk sebarang pertanyaan selain dari tuntutan, sila hubungi Kami di:  
Etika General Takaful Berhad  
Level 13, Menara B, Dataran Maybank  
No. 1, Jalan Maarof  
59000 Kuala Lumpur, Malaysia  
Nombor Telefon: +603 2297 3888  
Nombor Faksimile: +603 2297 3800  
Etika Online: 1300 13 8888  
E-mel: info@etika.com.my  
Laman Web: www.etika.com.my
3. Untuk sebarang tuntutan di bawah Sijil ini, sila hubungi Pembantu Tuntutan Kami di talian 1300 88 1007.

## PROSEDUR ADUAN

Sekiranya Anda dapati perkhidmatan Kami memerlukan penambahbaikan, sila berikan Kami maklum balas Anda dengan menghubungi Kami melalui pos di:

Unit Pengurusan Aduan  
Etika General Takaful Berhad  
Tingkat 6, Menara B, Dataran Maybank  
No. 1, Jalan Maarof  
59000 Kuala Lumpur, Malaysia;  
Atau melalui telefon 1300 13 8888 atau +603 2780 4500 (Luar Negara)  
Nombor Faksimile: +603 2297 1919  
E-mel: complaint\_cmu@etika.com.my

Kami akan memastikan maklum balas Anda dilayani.

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) dan Bank Negara Malaysia Laman Informasi, Nasihat & Khidmat (BNMLINK) juga menyediakan pendekatan alternatif dalam memberikan peluang kepada orang ramai untuk membetulkan amalan pasaran yang tidak adil.

### PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA OPK

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Peserta, sekiranya Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan keputusan Kami terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Kami untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi OPK melalui:

E-mel: enquiry@ofs.org.my  
atau  
Nombor Faksimile: +603 2272 1577  
Atau  
Alamat Pos:  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan  
Tingkat 14, Blok Utama  
Menara Takaful Malaysia  
No.4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000, Kuala Lumpur

Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Peserta boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat OPK.

OPK perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad daripada Kami berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Peserta.

Untuk maklumat lanjut mengenai OPK, sila dapatkan risalah maklumat daripada Kami atau layari laman web OPK di [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my).

Penglibatan OPK adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut Seksyen 138 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Menghubungi OPK tidak akan menjejaskan hak Pihak Menuntut atau Peserta untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Kami sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh OPK.

### PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA BNMLINK

Mana-mana Peserta atau Pihak Menuntut yang tidak berpuas hati dengan cara pengendalian oleh sesebuah Pengendali Takaful boleh menulis kepada BNMLINK dengan memberikan butiran tentang aduan, nama Pengendali Takaful dan nombor Sijil atau nombor tuntutan.

Salinan surat-menyurat (sekiranya ada) antara Peserta atau Pihak Menuntut dan Pengendali Takaful juga boleh disertakan untuk memudahkan kerja mencari fail kes yang disimpan oleh Pengendali Takaful.

Alamat surat menyurat adalah seperti berikut:

Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah  
Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur, Malaysia  
Nombor Telefon: 1300 88 5465  
Nombor Faksimile: +603 2174 1515  
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my